

09 JAN 2003

Ong-CFO

PIHAK BERKUASA TEMPATAN DIARAH SEDIA LAPORAN BANGUNAN TIADA CFO

MELAKA, 9 Jan (Bernama) -- Pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah supaya menyediakan laporan kaji selidik dan bilangan bangunan yang belum lagi diberi Sijil Layak Menduduki (CFO).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting berkata laporan itu perlu dihantar kepada Kementerian dalam tempoh dua minggu berikutan keputusan Kabinet semalam yang mahukan satu laporan terperinci tentang bangunan yang masih tidak memperolehi CFO.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi pandangan di mesyuarat Kabinet semalam bahawa beliau tidak berpuas hati tentang banyak bangunan yang telah siap tetapi belum dikeluarkan CFO," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia di sini hari ini.

Mesyuarat itu dihadiri oleh Datuk Bandar dan Yang Dipertua Dewan Bandaraya, Majlis Bandaraya serta Majlis Perbandaran dari seluruh negara.

Menurut Ong kaji selidik itu juga bertujuan untuk mengetahui punca sesebuah bangunan tidak mendapat CFO.

Beliau berkata punca utama yang sering timbul ialah apabila pemaju tidak menyediakan spesifikasi keselamatan dan memenuhi keperluan teknikal.

Katanya orang ramai hanya menyalahkan PBT apabila tidak mengeluarkan CFO.

Di dalam ucapannya, Ong berkata PBT mesti berperanan untuk bertindak lebih agresif dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah dan punca yang wujud semasa melaksanakan tugas mereka.

"Kita sedar terdapat pelbagai masalah yang membebani PBT tetapi sampai bila mereka hendak berselindung di sebalik alasan yang sama tanpa mengambil sebarang tindakan yang proaktif dan agresif," katanya.

Mengenai permohonan kerajaan negeri Melaka agar Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah dinaikkan statusnya sebagai Dewan Bandaraya, beliau berkata pelbagai agensi berkaitan sedang menyediakan maklum balas berhubung perkara itu sebelum ia diluluskan oleh Kementerian dan Kabinet.

Diharapkan kelulusan itu dapat dikeluarkan sebelum 15 April sempena ulang tahun perisytiharan Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah, katanya.

-- BERNAMA

NO HM